



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
Tingkat 1-5, Wisma Perindustrian,
Jalan Istiadat, Likas,
88400 Kota Kinabalu.
Tel.: 088-260161



Bil. JPAN: 700-2/104/44/2(22)

15 Mei 2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Ybhg. Datuk/Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADAN TAHUN 1439H/2018M

Sukacita dimaklumkan bahawa waktu Bekerja sepanjang bulan Ramadan bagi tahun 2018 adalah mengikut jadual seperti yang berikut:

Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) (Waktu Bekerja Biasa)	Waktu bekerja pada bulan Ramadan
Isnin – Jumaat	7.30 pagi – 4.30 petang
	7.30 pagi – 3.00 petang
	8.00 pagi – 5.00 petang
	8.00 pagi – 3.00 petang
	8.30 pagi – 5.30 petang
	8.30 pagi – 3.30 petang
	9.00 pagi – 6.00 petang
	9.00 pagi – 4.00 petang

2. Waktu bekerja bulan Ramadan ini diperuntukkan kepada pegawai wanita beragama Islam yang telah berkahwin, mengikut Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) yang telah dipilih. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih waktu bekerja berperingkat seperti biasa sekiranya tidak mahu pulang lebih awal.

3. Waktu bekerja bulan Ramadan ini dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Waktu bekerja ini dipanjangkan juga kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri, tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri



“MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA”